



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 NOVEMBER 2016

Buku boleh jadi rujukan generasi baharu: Pak Lah

BH - 1/11/2016

Kuala Lumpur: Tun Abdullah Ahmad Badawi berharap, buku *Being Abdullah Ahmad Badawi - The Authorised Biography* yang dilancarkan semalam, akan menjadi rujukan kepada generasi muda memahami sejarah negara, khususnya dari sudut politik dan pentadbiran sejak sebelum merdeka sehingga zaman beliau menjadi Perdana Menteri.

Bekas Perdana Menteri Malaysia kelima itu berkata, buku yang mendedahkan sebahagian besar sejarah dan pengalaman beliau sepanjang berkhidmat dalam pentadbiran kerajaan serta menjadi ahli politik itu adalah rakaman sejarah pen-

ting untuk diperhalusi generasi muda.

"Ia mengandungi semua pandangan kita terhadap sesuatu isu dan perkara. Ia menyentuh maklumat mengenai usaha dan rancangan berkaitan kerajaan yang hendak kita laksanakan.

Legasi Pak Lah

"Buku ini mesti dijadikan rujukan kepada generasi muda untuk mengetahui dan memahami apa peristiwa serta keadaan yang berlaku pada waktu itu," katanya kepada media selepas pelancaran buku berkenaan di sini, semalam.

Buku dilancarkan Sultan Perak, Sultan Nazrin Mui-

zzuddin Shah itu ditulis bekas Ketua Pengarang Kumpulan The Star, Datuk Wong Sulong.

Sementara itu, Sulong berkata, buku berkenaan membantu pembaca memahami siapa sebenarnya 'Pak Lah' dan legasinya sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima.

Katanya, buku itu akan menjawab banyak salah faham terhadap Abdullah yang selama ini diuar-uarkan kepada masyarakat.

"Saya menemu bual hampir 60 individu bagi mendapatkan maklumat mengenai beliau dan membuat rujukan di banyak arkib sebelum menulis buku ini," katanya.



"Beberapa peristiwa yang berlaku dan tidak diketahui rakyat, akan dapat diketahui dengan membaca buku ini. Ia mengandungi sejarah dan liku-liku Babah sebagai negarawan"

Kamaludin Abdullah,
Anak Tun Abdullah Ahmad Badawi